



Cara kendali kerahsian digital

PADA hari ini, dunia digital atau Internet menjadi satu kebiasaan daripada mendapatkan maklumat sehingga melakukan transaksi kewangan seperti membeli-belah dalam talian, perbankan Internet dan lain-lain. Bagaimanakah cara kendalian persekitaran digital yang berupaya menjaga kerahsian dan keselamatan pengguna?

-Ismail, Pulau Pinang.

Kita sudah pun menguatkuasakan undang-undang siber yang dikenali sebagai Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) bagi melindungi transaksi pengguna termasuk menerusi Internet. Namun begitu, pengguna Internet atau siber perlu pandai dalam pengendalian apa-apa sahaja aktiviti di Internet dengan selamat dan betul sebagai perlindungan daripada berlakunya apa-apa masalah di dunia siber.

Jadi, seterusnya disertakan beberapa panduan penggunaan Internet yang betul dan selamat perlu diamalkan para pengguna siber sekalian.

1 Aktifkan fungsi kemas kini automatik pada peranti yang digunakan terutama pada aplikasi yang kritikal seperti sistem pengoperasian, perisian *anti-Malware*, pelayar Internet dan lain-lain.

2 Tetapkan kata laluan kental pada penguncian skrin bagi peranti yang digunakan terutama yang bersifat mudah alih seperti tablet dan telefon pintar.

3 Buat semakan pencerobohan data peribadi di dunia siber menerusi pihak atau agensi tertentu. Antara laman web yang boleh dibuat semakan adalah di *haveibeenpwned.com*. Sekiranya dipercayai ada wujud unsur pencerobohan, tukar kata laluan bagi akaun yang terbabit.

4 Penggunaan perkhidmatan e-mel sementara bagi tujuan pendaftaran atau mencapai masuk sesetengah laman web seperti kad kesetiaan dan lain-lain bagi mengelakkan penggunaan atau sebaran data peribadi. Perkhidmatan e-mel sementara ini seperti *10minutemail.com* akan memusnahkan akaun e-mel tersebut dalam jangka masa tertentu tanpa menyimpan data peribadi pengguna.

5 Tutup kamera web atau *webcam* terutama pada komputer riba secara fizikal. Sekarang sudah ada dijual di kedai-kedai penutup *webcam* ini atau boleh menggunakan pita pelekat atau kertas. Ini kerana terbukti bahawa ada *Malware* yang berupaya menceroboh peranti pengguna menerusi *webcam* ini dan mencuri data peribadi pengguna.

6 Ketika pelayaran laman web, pastikan menggunakan protokol keselamatan capaian web iaitu https (*secure hypertext transfer protocol*). Tetapkan penggunaan protokol https ini pada pelayar web yang digunakan.

7 Tutup mana-mana aplikasi jejak lokasi atau *location tracking* pada mana-mana peranti yang digunakan. Namun begitu ada sesetengah aplikasi seperti sewa kereta dan sebagainya memerlukan fungsi ini. Oleh itu, tetapkan aplikasi tertentu sahaja pada masa tertentu sahaja yang boleh capai fungsi ini pada peranti yang digunakan.